

Bab 5

Kesimpulan : Cita-cita dan Masa Depan Undang-undang Islam di Malaysia

5.0 Pendahuluan

Bitit cita-cita relatif tinggi kerajaan untuk melaksana undang-undang Islam mula dikesani sejak negara menuntut kemerdekaan dan terbentuknya Persekutuan. Pemimpin Melayu berjaya memperjuangkan Islam sebagai agama rasmi bagi Persekutuan dalam Perlombagaan. Sumbangan yang mereka berikan sama ada dalam bentuk kajian, seminar, forum, wacana dan dialog telah mempengaruhi pemimpin untuk meminati undang-undang Islam.¹

Walau bagaimanapun terdapat beberapa faktor keterbatasan kepada cita-cita relatif tinggi kerajaan melaksana undang-undang Islam. Dalam banyak kajian yang telah dilakukan oleh para sarjana Islam semasa, seperti Mahmud Saedon Awang Othman, Mahmood Zuhdi Abdul Majid dan Abdullah Alwi Hasan mereka telah menemui beberapa faktor pembantut cita-cita pelaksanaan undang-undang Islam. Abdullah Alwi Hasan mengatakan bahawa unsur perlombagaan, parti politik, faktor intelektual dan masyarakat majmuk menjadi alasan kerajaan melewatkam pelaksanaan undang-undang tersebut. Setelah melihat perubahan ini dari pelbagai sudut, para pengkaji undang-undang Islam memperakui sama ada secara terus terang atau melalui tindakan mereka secara tidak lansung, bahawa usaha-usaha yang dilakukan oleh kerajaan kini menunjukkan cita-cita relatif tinggi ke arah pelaksanaan undang-undang Islam. Bab ini akan melihat senario undang-undang Islam semasa dan masa depan undang-undang Islam di Malaysia.

¹ Antara tokoh yang selalu menulis sama ada dalam bentuk artikel, buku dan kertas kerja, adalah Prof Ahmad Ibrahim, Prof Dr Mahmood Zuhdi Hj Abdul Majid, Prof Dr Abdullah Alwi Hj Hasan, Prof Dr Mahmud Saedon Awang Othman, Prof Dr Razali Hj Nawawi, Allahyarham Abdul Rashid Abdul Majid, Prof Madya Dr Abdul Halim Muhammady, Dr Abdul Munir Yaakob, Prof Dr Hj Salleh Buang dan Prof Dr Harun Din.

5.1 Senario Undang-undang Islam Semasa

Sikap umum masyarakat terhadap undang-undang Islam pada pelbagai peringkat khususnya para pengamal undang-undang belum begitu mantap. Persoalan yang lazim didengar seperti undang-undang Islam sudah lapuk, undang-undang yang telah ditelan usia, tidak mampu melayani kehendak zaman moden yang serba baru, pelaksanaan undang-undang Islam akan mengembalikan umat ke zaman unta perkara biasa diungkapkan dalam masyarakat moden. Sesetengah pihak melihat isu tersebut tidak perlu dilayan, tetapi ia harus digarap untuk mencari jalan penyelesaian. Sikap tersebut merupakan suatu gambaran manifestasi rasa kurang yakin dan prejudis di kalangan masyarakat tentang kemampuan undang-undang Islam. Sentimen negatif itu perlu ditangani secara adil agar mempermudah pelaksanaan undang-undang Islam. Kerajaan telah berusaha menggilap pemikiran masyarakat, tenaga pentadbir (teknokrat) dan pengamal undang-undang dengan memperkenal beberapa dasar dalam sistem pemerintahannya seperti *Dasar Pandang ke Timur*, dan *Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam*.

Sebagai sebuah kerajaan yang dibina atas asas suara rakyat, kerajaan perlu memenangi pandangan umum masyarakat. Kajian ilmu sosial mendapati pendapat umum selalunya dilihat sebagai satu kebenaran dalam sesuatu masyarakat meskipun pada hakikatnya ia suatu yang salah. Justeru itu dalam mengambil apa-apa juga tindakan yang melibatkan masyarakat terbanyak pendapat umum perlu diambil kita. Tanpa sokongan pendapat umum, maka sesuatu keputusan dan tindakan yang besar belum pasti berjaya. Mahmood Zuhdi berpendapat:

adalah satu sikap yang salah kalau pendapat umum tidak perlu diambil kira dalam mengambil sesuatu tindakan.²

Abdul Hamid Jusoh berujah:

sikap masyarakat yang jahil dengan undang-undang Islam menjadi penyumbang kepada kegagalan perlaksanaannya. Oleh kerana umat menjadi penentu kepada

² Mahmood Zuhdi Abdul Majid, Ke Arab Pelaksanaan Undang-undang Islam di Malaysia, op.cit., hal. 16.

corak kepimpinan negara, sudah pasti mereka juga bertanggungjawab menyumbang ke arah proses merealisasikan undang-undang Islam.³

Malaysia adalah negara yang mempunyai penduduk pelbagai kaum, dan negara yang mengamalkan sistem demokrasi. Kehidupan rakyat dibentuk atas asas muafakat, pendapat umum menjadi faktor pemungkin kepada sesuatu tujuan. Berdasarkan sistem ini siapa sahaja boleh menguasai Parlimen, asalkan parti yang bertanding menang suara majoriti dalam pilihan raya. Sistem ini memberi kebebasan kepada rakyat memilih mana-mana parti dalam pilihan raya dan mereka juga bebas untuk berorganisasi serta menyertai mana-mana parti politik.⁴

Perlembagaan memberi kebebasan kepada warga negara dilantik menjadi Perdana Menteri sama ada Islam atau bukan Islam. Perlantikan Perdana Menteri berdasarkan kepada parti yang banyak memenangi kerusi Parlimen dalam pilihan raya. Tanpa suara majoriti di parlimen kerajaan tidak dapat dibentuk dan untuk melaksanakan sesuatu cita-cita tidak dapat dilakukan secara mudah.

Dalam melaksana undang-undang Islam, kerajaan berhadapan dengan golongan bukan Islam. Sekalipun golongan ini bukanlah penghalang kepada pelaksanaan undang-undang Islam, dan tidak juga boleh dijadikan alasan ketidakselesaan mereka menerima undang-undang Islam, tetapi janganlah sampai tidak melaksanakan undang-undang Islam. Sikap mereka yang sinis dengan undang-undang Islam perlu ditangani dalam menentukan kewujudan cita-cita dan kelangsungan pelaksanaan sistem perundangan dan *al-maqasid al-Syariah* [tujuan syariat] tercapai. Ketidak senangan golongan ini terhadap pelaksanaan undang-undang Islam adalah

³ Abdul Hamid Jusoh, "Pemakaian Undang-undang Islam Kini dan Masa Depan di Malaysia", dlm Undang-undang Malaysia Kini, al-Ahkam, Jld. 1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994, hal. 58 - 83.

⁴ Perlembagaan Persekutuan. Perkara 5 Kebebasan Diri, Perkara 7(1) perlindungan daripada undang-undang jenayah yang berkuatkuasa kebelakangan, Perkara 8 (1) berhubung dengan sama rata, Perkara 10 (1) kebebasan bercakap, berhimpun dan menubuhkan persatuan, Perkara 11(1) kebebasan beragama, Perkara 12 (1) hak-hak berkenaan pelajaran dan Perkara 13(1) Hak terhadap harta.

suatu perkara yang tidak dapat dinafikan.⁵ Kerajaan telah cuba mengatasi masalah ini melalui kegiatan-kegiatan yang dilakukan seperti penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran. Pada peringkat awal, pelaksanaan dasar itu menerima tentangan golongan bukan Islam tetapi masalah itu telah diselesaikan dan dapat diterima dengan baik oleh masyarakat bukan Islam, malah mereka menggalakkan nilai-nilai tersebut diamalkan tanpa ada rasa prajudis.

Kuasa membuat undang-undang di Malaysia diberikan antara kerajaan Persekutuan dan kerajaan Negeri. Kerajaan Pusat diberi kuasa membuat undang-undang meliputi seluruh negara dalam perkara-perkara yang bersangkutan dalam soal keselamatan dan pembangunan.⁶ Kerajaan negeri diberi kuasa ke atas pelaksanaan undang-undang Islam, tetapi tidak boleh menjangkaui luar batas kuasa yang telah ditentukan oleh Perlembagaan.⁷

Parlimen yang dianggotai oleh Yang di-Pertuan Agong, Dewan Rakyat dan Dewan Negara,⁸ berkuasa meluluskan undang-undang yang berkuatkuasa bagi seluruh Persekutuan.⁹ Namun ada kekecualian kuasa yang diberikan kepadanya, misalnya Parlimen tidak mempunyai kuasa membuat dan meluluskan undang-undang yang berlawanan dengan Perlembagaan. Sekiranya berlaku maka mahkamah boleh dengan kuasa yang diberi kepadanya untuk membatalkan undang-undang yang diluluskan itu¹⁰. Parlimen tidak mempunyai kuasa

⁵ Lihat "Huraian sikap non-muslim dalam isu perlaksanaan undang-undang Islam" dalam Bab 2 disetralini ini.

⁶ Perlembagaan Persekutuan Jadual 9 Senarai 2B-3A, 3A-3B dan Jadual 10 Bahagian 1, 2, 3.

⁷ Perlembagaan Persekutuan, Perkara 186.

⁸ Perlembagaan Persekutuan, Perkara 44.

⁹ Perlembagaan Persekutuan, Perkara 73 (a).

¹⁰ Perlembagaan Persekutuan Perkara 4(1). Bidang kuasa yang telah ditetapkan oleh Perlembagaan ialah mengenai perkara dalam Senarai 1 Jadual 9, dan tafsir-tafsir yang patut diberikan oleh Mahkamah Persekutuan.

menggubal dan meluluskan undang-undang Islam melainkan ke atas Wilayah Persekutuan.¹¹

Parlimen diberi kuasa meluluskan undang-undang yang bersesuaian dengan undang-undang Islam yang tidak termasuk dalam pengertian yang boleh ditafsirkan oleh Perlembagaan sebagai undang-undang Islam.¹² Clause ini dilihat memberi ruang kepada Parlimen untuk meluluskan undang-undang selagi ia tidak ditakrifkan sebagai undang-undang Islam. Sekalipun tanpa memindai Perlembagaan Persekutuan atau Perlembagaan Negeri, ini bergantung kepada apa yang dimaksudkan dengan undang-undang Islam. Menurut Hamzah Abu Samah, bekas Menteri Undang-undang, Undang-undang Islam tidak boleh dilaksanakan kalau ia bertentangan dengan Perlembagaan. Katanya

*hukum sebat di khalayak ramai bagi setiap orang Islam yang didapati salah melakukan zina tidak mungkin diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri tanpa memindai Perlembagaan dan undang-undang Persekutuan.*¹³

Sementara Dewan Undangan Negeri (DUN) yang berkuasa terhadap undang Islam dianggotai oleh Raja atau Sultan, Wakil Rakyat, Setiausaha Kerajaan Negeri, Pegawai Kewangan negeri dan Penasihat undang-undang negeri. Mereka bertanggungjawab meluluskan undang-undang atas kuasa yang diberikan kepada negeri, sebagaimana diperuntukkan dalam perlembagaan.¹⁴ DUN tidak boleh mengubah undang-undang di luar daripada Senarai 1 Jadual 9 dan Perkara 75 Perlembagaan Persekutuan¹⁵ Sekiranya DUN meluluskan undang-undang yang bertentangan dengan perlembagaan persekutuan dengan

¹¹ Perlembagaan Persekutuan, Perkara 4 (3) dan Perkara 128.

¹² Perlembagaan Persekutuan, Perkara 76B (2), 76 (1) (b)

¹³ Utusan Melayu, 7 April 1979, hal. 2.

¹⁴ Dalam Senarai 2 Jadual 9 Perlembagaan Persekutuan.

¹⁵ Perkara ini mengehadkan undang-undang berkenaan hanya bolch dikuatkuasakan kepada orang Islam sahaja.

sendirinya undang-undang itu akan terbatasi atau kuasa Mahkamah boleh membatalkan undang-undang tersebut.¹⁶ Sekiranya Kerajaan Negeri berhajat juga hendak melaksanakan undang-undang itu. Kerajaan Negeri boleh membawa perkara itu ke Parlimen untuk dibahas dan diluluskan.

Di Malaysia Raja-raja Melayu adalah ketua agama dan mempunyai kuasa berhubung dengan Islam termasuk undang-undangnya.¹⁷ Majlis Raja-raja Melayu diberikuasa sama adanya bersetuju atau menolak sesuatu undang-undang untuk dilaksanakan di Negeri-negeri di bawah Persekutuan.¹⁸ Walaupun Majlis Raja-raja telah bersetuju berhubung dengan Akta yang diluluskan oleh Parlimen, tetapi dalam proses untuk pelaksanaan ia bergantung kepada budi bicara Sultan atau Raja-raja Melayu yang memerintah sesebuah negeri. Kedudukan inilah yang terjadi dalam soal penyelarasan kepada Undang-undang Acara Jenayah Syariah yang telah lama diluluskan oleh Parlimen tetapi ada negeri yang melewati-lewatkan pelaksanaannya, kerana ada beberapa sekatan yang perlu diambil kira dalam soal perundangan itu.

Mengatasi perkara ini Kerajaan Persekutuan telah menujuhkan *Jawatankuasa Teknikal Penyelarasan Undang-undang Syariah dan Sivil*. Jawatankuasa ini telahpun mencadangkan beberapa pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan,¹⁹ dan akta-akta lain yang bertentangan dengan undang-undang Islam. Yang menjadi asas perlaksanaan undang-undang Islam banyak bergantung kepada sejuh manakah kehendak politik atau '*political will*' kerajaan kerajaan negeri.

¹⁶ Perlembagaan Persekutuan, Perkara 75.

¹⁷ Perlembagaan Persekutuan, Perkara 3 (2).

¹⁸ Perlembagaan Persekutuan, Perkara 38 (7).

¹⁹ Lihat huraianya dalam Bab 3 disertasi ini.

Wujud beberapa kelemahan dalam sistem Mahkamah Syariah.²⁰ Antara kelemahan yang dikenalpasti ialah persoalan keupayaan para pelaksana undang-undang dan kedudukan Mahkamah Syariah. Taraf dan kewibawaannya masih jauh daripada bidang kuasa Mahkamah Syariah sebenar dalam Islam. Usaha-usaha telah dan sedang dilakukan oleh kerajaan untuk meningkatkan keupayaan dan kewibawaannya. Tetapi usaha itu belum memadai, proses pembaharuan yang dilakukan amat perlahan, dan cadangan-cadangan oleh Jawatankuasa Teknikal Penyelarasaran Undang-undang Syariah dan Sivil [JTPUSS] masih belum dapat dilaksanakan.²¹ Misalnya Akta-akta Acara Mai, Akta Jenayah Syariah dan Acara Keterangan, telah didraf dan dikemaskinikan oleh JTPUSS dalam tahun 80 an, tetapi penguatkuasaannya mula dilakukan dalam tahun-tahun 1990 an. Sebelum tahun 1990 an perkara ini bergantung kepada kebijaksanaan para kadi dan peraturan-peraturan yang ada di Mahkamah Kadi. Apa yang terjadi ialah ketidakseragaman dan percanggahan berlaku. Kesannya keputusan dan kesukaran untuk menguatkuasakan Undang-undang Islam. Misalnya kes yang berlaku kepada peguam syar'ie Puan Kamar Ainiah. Beliau tidak diiktiraf menjadi peguam Syar'ie di Johor sedangkan beliau diterima sebagai peguam syar'ie di negeri Selangor. Satu persoalan yang dikemukakannya apakah keengganan negeri Johor itu disebabkan ia seorang wanita atau ada sentimen lain yang memungkinkan ia tidak diterima²². Perkara itu tidak akan berlaku sekiranya wujud akta dan kod etika profesion guaman syar'ie yang selaras antara negeri-negeri. Kawasan kuasa tadbir serta penguatkuasaan hukuman bagi Mahkamah Syariah terbatas di kawasan di

²⁰ Syikh Ghazali Abdul Rahman, Pelaksanaan Undang-undang Islam di Negeri-negeri di Malaysia dan Masalah-masalah yang dihadapi, ed Mahmood Zuhdi Hj Abdul Majid, Kuala Lumpur: Akademi Islam, Universiti Malaya, 1978, hal. 30. Syikh Ghazali Abdul Rahman adalah Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Selangor, dan seorang anggota Jawatankuasa Teknikal Penyelarasaran Undang-undang Syariah dan Sivil.

²¹ Lihat Mahmud Saedon Awang Othman, "Ke Arah Mempertingkat Mahkamah Syariah", dlm Jurnal Hukum, Jld v. bhg. 1, Sept, Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, JPM, 1984, hal. 25. Lihat Ahmad Ibrahim, "Ke Arah Penyelarasaran Undang-undang Islam di Malaysia", dlm. Jurnal Hukum, jld. V bhg. 11, Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwan Islam, JPM, Jun 1987, hal. 50.

²² Wawancara dengan Puan Kamar Ainiah, di Pejabat Guaman Sya'ie, pada 27 April 1997.

daerah mana mereka beroperasi melainkan melalui kuasa Mahkamah Sivil.²³ Ini memberi satu gambaran bahawa bidang kuasa Mahkamah Syariah masih terbatas dalam menguatkuasakan keputusan.

Aspek paling penting dalam profesion kehakiman adalah keupayaan ilmu dan kemahiran para hakim. Keupayaan hakim-hakim syarie di Mahkamah Syariah masih banyak boleh dipertikaikan. Kelemahan yang paling menonjol ialah kemahiran bahasa²⁴, penghujahan, keupayaan ilmu, kemahiran dan kecekapan dalam menggunakan dan mentafsir prosedur Mahkamah yang kebanyakannya ditulis dalam bahasa Inggeris.²⁵ Bagaimana mungkin sesuatu penghakiman dan pendakwaan dapat dilakukan dengan baik kalau kemampuan para pengamal undang-undang syarie tidak mengikut piawaian sebenar kehakiman Islam. Adalah sesuatu yang tidak bermakna wujudnya satu draf undang-undang yang sempuma dan adil, tetapi daripada aspek penghakimannya masih banyak kelemahan.²⁶ Satu aspek yang berbeza daripada amalan tradisi Islam ialah jawatan hakim Mahkamah Syariah dipohon²⁷ bukan dilantik untuk diisi jika

²³ Mahkamah Syariah terpaksa meminta bantuan daripada Mahkamah Majestrit untuk menguatkuasakan sesuatu hukuman yang di luar daripada bidang kehakiman mereka. Untuk mendapat kefahaman lebih lanjut sila rujuk Mahmud Saedon Awang Othman, op.cit., hal. 21 - 25.

²⁴ Hakim perlu menguasai bahasa Inggeris dan Arab kerana banyak prosiding mahkamah ditulis dalam bahasa Inggeris dan Bahasa Arab, pula bahasa rujukan asas kepada al-Qur'an, al-Sunnah, kitab-kitab tafsir dan buku-buku ulama yang kebanyakannya ditulis dalam bahasa Arab.

²⁵ Ibid. hal. 22.

²⁶ Syikh Ghazali Abdul Rahman, Pelaksanaan Undang-undang Islam di Negeri-negeri di Malaysia dan Masalah-masalah yang dihadapi, dalam Mahmood Zuhdi Hj Abdul Majid, "Ke Arah Merealisasikan Undang-undang Islam, Kuala Lumpur: Akademi Islam, Universiti Malaya, 1978, hal. 25.

²⁷ Lihat Mahmud Saedon Awang Othman, Institusi Pentadbiran Undang-undang Kehakiman Islam, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1996, hal. 239. Lihat juga Prof Ahmad Ibrahim, Sistem Undang-undang Islam di Malaysia, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1985, hal. 54.

berlaku kekosongan. Ini bermakna sesiapa sahaja boleh memohon berdasarkan nilai yang difikirkan sesuai untuk memenuhi jawatan itu.²⁸

Metodologi ini penting kerana Mahkamah Syariah kini berhadapan dengan pelbagai isu yang tidak ada sebelumnya seperti kes rogol, penciplakan ilmu (plagiat), penyebaran maklumat palsu (fitnah), masalah kesalahan jenayah jalan raya, kesalahan berhubung dengan alam sekitar seperti pembuangan toksid, penebangan kayu, pembuangan sampah. Masalah lain seperti persoalan gender, kesenian, gejala sosial, sains dan teknologi, ekonomi Islam, yang memerlukan kefahaman yang jelas daripada para ulama dalam menangani persoalan tersebut yang sukar hendak dibuktikan keterangannya.²⁹ Kekurangan dan kelemahan ini boleh mempengaruhi kelancaran proses pelaksanaan Undang-undang Islam di Malaysia. Walau bagaimanapun beberapa persoalan yang ditimbulkan telahpun cuba diselesaikan oleh kerajaan melalui penstrukturran semula Mahkamah Syariah.³⁰

²⁸ Syarat lantikan sebagai hakim dalam sepanjang sejarah Islam, dan digarisaskan oleh para ulama Islam seperti, Ibn Taymiyah, Ibn Khaldun dan sebagainya mestilah mempunyai ilmu sehingga mampu berijtihad, budi pekerti yang baik, kuat ingatan, tidak melakukan dosa sama ada kecil atau besar. al-Ramli pula telah memberian sepuluh syarat. Lihat al-Ramli Shamsuddin Muhammad bin Ali bin Ali Abbas, Nihayah al Muhtaj al-Islamiyah, Misr: Maktabah, Jld. 8. Muhammad Salam Madkhur pula mengemukakan enam syarat. Lihat Muhammad Salam Madkhur, al-Qada fi al-Islam, Kaherah: Maktabah al-Nahdah, 1964, hal. 35. Sungguhpun mereka berselisih pendapat, tetapi pada hakikatnya ia melengkapi satu sama lain. Umpamanya al-Ramli yang mengambil pendapat imam al-Nawawi menyenaraikan syarat itu sebagai Islam, mukallaf, merdeka, laki-laki, adil, mendengar, melihat, berkata-kata, berkemampuan dan mujtahid. Demikian juga al-Mawardi yang mengemukakan tujuh syarat iaitu: laki-laki, berakal, merdeka, Islam, adil. Sejahtera pandangan dan alim dalam bidang hukum syarak. Lihat al-Mawardi, al-Ahkam al-Sultaniyah wa al-Wilayah al-Diniyyah, Misr: 1966, hal. 72. Lihat juga Muhammad Saedon Awang Othman, Kadi Perlantikan Perlucutan dan Bidang Kuasa, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990, hal. 25 - 43.

²⁹ Lihat kertas kerja Mahmood Zuhdi Hj Abdul Majid, "Hukum Islam Semasa bagi Masyarakat Malaysia yang Membangun", dan kertas kerja Dr Abdullah Alwi Hassan, "Permasalahan Intelektual dalam Pembinaan Hukum Islam Semasa di Malaysia", dim Seminar Hukum Islam Semasa Peringkat Kebangsaan, anjuran Akademi Pengajian Islam, UM, pada 17 - 18 Jun 1997.

³⁰ Lihat tajuk Penstrukturran semula Mahkamah Syariah dalam Bab 3 disertasi ini.

Ulama³¹ adalah tulang belakang mendokongi pelaksanaan Undang-undang Islam.

Mereka pakar rujuk (*al-Maraji'*) dan menjadi pemangkin kepada persoalan yang dibangkitkan.³²

Mahmood Zuhdi berpendapat: *mereka masih berperanan sebagai saudagar-saudagar barang lama yang berjaya melariskan barang jualan kerana bijak berpropaganda tetapi tidak mampu untuk mengeluarkan barang sendiri.*³³ Walau bagaimanapun tidak semua ulama berkedudukan seperti itu. Ada kalangan mereka yang bersikap positif, pro aktif dan responsif dalam isu pelaksanaan Undang-undang Islam. Mereka telah berusaha mengetengahkan keunggulan dan kesempurnaan undang-undang Islam, tetapi belum sampai ke tahap yang menggalakkan. Menurut Razali Nawawi: "Yang ramai adalah mereka yang hanya pandai menyatakan kesilapan dan kelemahan tetapi tidak mampu untuk menyediakan alternatif yang sesuai dengan kehendak semasa".³⁴ Sementara Wan Salim Md Noor berpandangan: "Walaupun para intelektual sudah didedahkan dengan kepelbagaiannya isu-isu semasa dan latihan keperluan semasa, tetapi kebanyakan mereka masih bersikap degil, beku dan jumud yang menyebabkan berlakunya kemunduran kepada pelbagai ilmu pengajian Islam, yang akhirnya memberi kesan yang kurang memuaskan kepada perkembangan Islam".³⁵ Sikap jumud dan

³¹ Sikap ulama menjadi asas yang penting dalam soal pelaksanaan Undang-undang Islam, kerana ia boleh mempengaruhi masyarakat sama ada untuk menuntut atau menolak dilaksanakan Undang-undang Islam. Ulama di sini merujuk kepada mereka yang berkeahlilan dan mahir dalam bidang agama dan perundangan Islam.

³² Muhammad al-Khudari al-Husayn, al-Syariah al-Islamiyyah Salihalatun Li Kulli Zaman wa al-Makan, Damsik: Ali Rida, 1971, hal. 74 – 76.

³³ Mahmood Zuhdi Abdul Majid, Pengantar Undang-undang Islam di Malaysia, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1997, hal. 207.

³⁴ Wawancara dengan Razali Nawawi, di Universiti Islam Antarabangsa, pada 27 Julai 1997.

³⁵ Wan Salim Md Noor, "Pendidikan Islam di Pusat Pengajian Tinggi: Masalah dan Penyelesaian", dlm Jurnal Pendidikan Islam, Kuala Lumpur, Angkatan Belia Islam Malaysia, Jld 3, bil. 2 Ogos 1990, hal. 1 - 21.

taqlid di kalangan ulama ini membawa kepada ketidakmampuan mereka menyesuaikan kedudukan undang-undang dengan situasi semasa. Sikap ini pada Abdul Salam Madkhur adalah satu jenayah ke atas bidang fiqh Islam.³⁶

Para ulama dan pengamal undang-undang Islam masih belum berjaya mengeluarkan diri mereka daripada lingkungan batas mentaliti lama.³⁷ Mereka tidak mampu untuk melakukan ijihad keluar dari fatwa-fatwa ulama terdahulu yang tidak lagi sesuai dengan pusingan zaman. Mahmood Zuhdi menyatakan :

*para pengamal undang-undang Islam juga masih belum berjaya mengeluarkan diri masing-masing dari kepompong mentaliti lama yang tidak banyak menghormati prinsip kepakaran dan kualiti serta kecemerlangan. Kerendahan psikologi masih menghantui tindak-tanduk mereka sehingga belum mampu bertindak sebagai ahli-ahli profesional kepada satu sistem yang bernilai tinggi.*³⁸

Tidak keteraluan kalau dikatakan golongan ini sebagai individu yang mempelajari Undang-undang Islam untuk persiapan hidup di abad ke- 12 dan bukannya di abad ke- 20. Tahap hukum yang mereka keluarkan masih terikat dengan keputusan yang telah dibuat dan dilakukan oleh ulama silam dan bukannya hukum yang mendepani masalah semasa.³⁹

³⁶ Abd al-Salam Madkhur, al-Madkhali fi Fiqh al-Islami, Kaherah: Matba'ah al-Babi al-Halaby, 1966, hal. 21

³⁷ Punca utama permasalahan intelektual di dalam pembinaan hukum Islam ialah pemisahan antara pengetahuan hukum dengan perhubungan sains Barat, sama ada bidang sains tabi'e mahupun sains sosial. Ini mengakibatkan para ulama jahil mengenai alam fizikal dan para intelek tidak arif berhubung dengan Undang-undang agama. Mereka melihat setiap isu terkini melalui perspektif yang berbeza, berasaskan kepada latarbelakang pendidikan yang berlainan. Lihat Abdullah Alwi Hj Hasan, "Permasalahan Intelektual dalam Pembinaan Hukum Islam Semasa di Malaysia", Kertas kerja pada Seminar Hukum Islam Semasa, anjuran Jabatan Fiqah dan Usul, Universiti Malaya, 17 - 18hb June 1997, hal. 2

³⁸ Mahmood Zuhdi, op.cit., hal. 207

³⁹ Ibid. hal. 28.

Walaupun mereka telah menghabiskan masa yang panjang mempelajari ilmu Islam, tetapi hakikatnya mereka tidak memahami realiti hidup sekarang ini kerana mereka kurang terdedah kepada suasana setempat, dan mereka tidak sanggup mengeluarkan ijihad sebagaimana yang diperlukan sesuai dengan kehendak semasa⁴⁰. Yusof Qardawi melihat fenomena ini suatu penyimpangan yang dilakukan oleh para ulama, dan mereka sering bertindak menyempitkan apa yang sebenarnya diluaskan oleh Allah, mempersulit hal-hal yang dipermudah oleh syariat, dan membukukan sesuatu yang sepatutnya dikembangkan dalam agama.⁴¹ Bagi Abdullah Alwi Hasan, para intelek Islam belum mampu mengetahui penyelesaian undang-undang yang semakin hari semakin bertambah yang perlu diselesaikan menurut perspektif Islam.⁴²

Fenomena ini berlaku berpunca daripada sistem pendidikan yang dilihat sebagai satu sistem pendidikan yang tidak mampu melahirkan individu sempurna sebagaimana yang dikehendaki dalam Falsafah Pendidikan Negara. Sistem pendidikan yang sedia ada kini hanya mampu untuk melahirkan individu yang mengungguli intelektual masing-masing, sebab sistemnya hanya mampu melahirkan dua generasi yang mempunyai hala tuju yang berlainan dalam dua kem permikiran yang berbeza.⁴³ Sentimen ini akan melebarkan lagi jurang perbezaan pendapat di antara ulama dengan intelektual Islam. Ketidakmampuan menangani persoalan semasa yang memerlukan kekuatan ijihad untuk menentukan sesuatu hukum menyebabkan masyarakat mempertikai keupayaan undang-undang Islam menyelesaikan masalah ummah. Ulama

⁴⁰ Ibid., hal. 28.

⁴¹ Yusof al-Qardawi, Memahami Keutamaan Berasaskan al-Qur'an dan al-Sunnah, (terj) Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia, 1996, hal.101.

⁴² Abdullah Alwi Hj Hassan, ibid, hal. 12.

⁴³ Muhammad Abu Bakar, Potret Masa, Persaingan Ideologi dan Pemuliharaan Tradisi, Petaling Jaya: Gateway Publishing House, 1994, hal. 38.

dan pemerintah menjadi penentu kepada perlaksanaan undang-undang Islam.⁴⁴ Apabila cita-cita dapat didorong kepada mencintai Undang-undang Islam, pastinya akan mendorong seseorang itu melakukan perkara yang mereka yakini.⁴⁵

Politik Malaysia berdasarkan kepada perundingan dan power sharing [perkongsian kuasa] antara kaum. Perlembagaan Malaysia adalah sebuah Perlembagaan tawar menawar di antara kaum.⁴⁶ Kurniaan kerakyatan kepada majoriti orang Cina dan India adalah sebagai balasan daripada orang Melayu, kerana mereka bersedia mengiktiraf *Keistimewaan Orang Melayu*, agama Islam sebagai agama rasmi dan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan. Seandainya jurucakap bukan Melayu tidak bersedia menerima apa yang disebutkan itu, sudah pasti orang Melayu tidak bersedia untuk melonggarkan syarat kerakyatan bagi warganegara yang berhijrah ke Tanah Melayu.

Sebagai sebuah negara baru, cabaran utama kepada sistem politik ialah pembangunan bangsa.⁴⁷ Sesetengah pendapat melihat persoalan ini sebagai satu krisis yang paling utama untuk diatasi bagi sesuatu masyarakat untuk menjadi sebuah negara moden.⁴⁸ Kerana itu bagi mewujudkan satu perasaan kebangsaan yang menyeluruh dan menghapuskan

⁴⁴ Lihat Hamid Jusoh, "Pemakaian Undang-undang Islam Kini dan Masa Depan di Malaysia", dlm *Undang-undang Malaysia Kini, al-Ahkam*. Jld 1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. 58 - 83.

⁴⁵ Lihat Huraian dalam Bab 4 disertasi ini..

⁴⁶ David S Gibbons. "Perpaduan Nasional dan Kepelbagaiannya Kebudayaan di Malaysia", dlm Sayed Ahmad Hussien. Integrasi Politik Kumpulan Rencana Pilihan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989, hal. 79.

⁴⁷ Proses menyaksikan manusia memindahkan taat setia daripada suku kaum, kampung atau kawasan kecil kepada sistem pusat yang besar. Lihat G A Almonel and G B Powel. Comparative Politics: Developmental Approach. Boston: Little, Brown & Co, 1966, hal. 35 - 36.

⁴⁸ L Pye. Aspects of Political Development. Boston: Little Brown & Co, 1966, ha. 63.

taat setia kekelompokan adalah masalah yang paling utama untuk diselesaikan.⁴⁹ Tragedi 13 Mei 1969 berlaku kesan daripada kehilangan nilai perpaduan dan saling mempercayai antara kaum.⁵⁰ Tun Abdul Razak pemimpin yang bertanggungjawab memastikan keamanan betul-betul terjamin,⁵¹ perpaduan kaum menjadi teras kepada politik di Malaysia, dan perkongsian kuasa menjadi elemen penentu kepada kestabilan politik serta pemuaafakan menjadi paksi kepada kelangsungan sesuatu agenda negara.

Dalam kedudukan yang sedemikian rupa, bentuk komuniti politik adalah penting dalam merangka dasar sesebuah negara⁵². Rasa simpati dan ketaatan rakyat kepada negara menjadi agenda politik yang utama, kerana kewujudan sesuatu cita-cita bergantung kepada elemen-elemen yang telah disebutkan itu.

Tidak ada kumpulan etnik yang mampu meraih suara majoriti dua pertiga di Parlimen tanpa berkerjasama dengan kaum lain. Dan tidak ada satu parti politik yang berdasarkan perkauman dapat menguasai majoriti suara dua pertiga di Parlimen untuk memindah Perlembagaan. Parti yang hendak mendapat majoriti dua pertiga mestilah berkerjasama, dan bergabung dengan mana-mana kumpulan etnik untuk memastikan mereka menguasai dua pertiga Parlimen. Suara majoriti dua pertiga di Parlimen penting untuk membuat sesuatu dasar. Masalah inilah yang dihadapi oleh kerajaan dalam menangani isu pelaksanaan Undang-undang Islam dan untuk memenuhi kehendak golongan pendesak. Ini bermakna perkongsian kuasa

⁴⁹ Untuk mendapat penjelasan lanjut sila rujuk M. Weiner, "Political Integration and Political Development", Annals of the American Academy of Social Science, Mac 1965, hal. 53.

⁵⁰ Wang Gung Wu, "Malaysia: An Interim View", dlm The May Tragedy in Malaysia, Canberra: tanpa penerbit, Mei 1969. Lihat juga F. U. Gajiano, Communal Violence in Malaysia 1969, the Political of Termites, Athen Ohio: Ohio University, Centre For International Studies Program 1970. Lihat juga A. Reid, "The Kuala Lumpur Riots and the Malaysian Political System", Australian: Outlook, 23 Dis 1969, hal. 258 - 278.

⁵¹ Lihat National Operation Council, The May 13 Tragedy: A Report, Kuala Lumpur: The National Operation Council, Okt 1969, hal. 5 - 6.

⁵² Lihat D. Eston, A System Analysis of Political Life, New York: John Wiley, 1965, hal. 185.

politik telah menjadi teras kepada sistem politik di Malaysia dan segala keputusan yang menyangkut soal dasar selalunya diputuskan bersama.

Dari analisa yang dikemukakan itu dapat dilihat situasi sebenar cita-cita relatif tinggi melaksanakan Undang-undang Islam di Malaysia berhadapan dengan masalah ilmu, sikap dan pendidikan, masalah golongan ulama dan intelektual dan masalah teknikal. Perkongsian kuasa politik adalah elemen terpenting dalam menentukan kelangsungan pelaksanaan Undang-undang Islam di negara ini. Masalah ini akan boleh diatasi apabila semua golongan tadi dapat berganding bahu dan sama-sama berikhtiar dalam menyelesaikan masalah berkenaan.

5.2 Masa Depan Undang-undang Islam di Malaysia

Pada prinsipnya undang-undang Islam di Malaysia mempunyai masa depan yang baik. Apa yang perlu dilakukan adalah pengukuhan usaha-usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan. Kritikan pelbagai pihak terhadap usaha-usaha yang dilakukan oleh kerajaan bermotifkan rasa tidakpuas hati dan ketidaksesuaianya dengan cita rasa organisasi yang didokonginya, atau untuk meraih simpati rakyat.⁵³

Program penerapan nilai-nilai Islam walaupun tidak bermaksud menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara Islam dan pelaksanaan hukum Islam sepenuhnya, tetapi hanya sekadar menganding-gandingkan nilai kebaikan dalam satu sistem.⁵⁴ Sehingga bagi sesetengah golongan slogan penerapan nilai-nilai Islam tidak wajar diperkenalkan kerana ia tidak melambangkan kehendak Islam sebenar dan mengenepikan hukum-hukum Allah swt.⁵⁵ Ia memberi sumbangsan yang bermakna kepada perkembangan Islam keseluruhannya. Sikap pragmatis dan liberal kerajaan dalam pelaksanaan undang-undang Islam mengamit pertikaian

⁵³ Yusof Rawa, "Bertindak Menentang Kezaliman". Ucapan Dasar pada Muktamar Agong Parti Islam SeMalaysia, pada 13 April 1985.

⁵⁴ Suhaimi Said, Orang Melayu di Sisi Perlumbagaan. Temerloh: Penerbit Ujud, 1984, hal. 67.

⁵⁵ Nakha'ic Hj Ahmad. Penghayatan Politik Islam Dalam Pemerintahan. Kuala Lumpur: G G edar, 1987, hal. 74.

kerana ia dibuat tanpa ilmu dan tidak merujuk kepada mana-mana kaedah-kaedah syarak. Sifat pragmatis kerajaan dilihat sebagai tidak komited dengan cita-cita politik mereka. PAS berpendapat kalau-lah benar kerajaan komited dengan cita-cita sudah pasti ia membuang sikap pragmatis, dan UMNO akan meminda perlembagaannya daripada berjuang berdasarkan kebangsaan kepada perjuangan menegakkan Islam.⁵⁶

Sikap kerajaan dibayangkan tidak konsisten (*Ittizam*) antara apa yang dikata dengan apa yang dilakukan.⁵⁷ Kerajaan tidak ada pendirian dalam menangani sesuatu isu, membuatkan masyarakat serba salah untuk memperakui relatif tinggi cita-cita kerajaan dalam melaksanakan undang-undang Islam. Seperti kes penangkapan tiga peserta ratu cantik kerana memakai pakaian tidak sopan yang dibuat oleh *Jabatan Agama Islam Selangor* [JAIS]. Tindakan tersebut mendapat reaksi yang berbeza-beza di kalangan pimpinan dan rakyat muslim. Kerajaan Persekutuan tidak senang dengan cara tindakan dilakukan oleh JAIS yang dianggap ekstrem, sedangkan tindakan itu tidak salah dan sudah pun diwartakan dalam Undang-undang Pentadbiran Kesalahan-kesalahan Jenayah Negeri Selangor.⁵⁸ Dalam masa yang sama kerajaan tetap melaksana program-program yang mereka lihat sebagai alternatif kepada masyarakat sama ada hendak menghayati Islam atau tidak. Kerajaan prihatin kepada pelaksanaan Undang-undang Islam berdasarkan kepada keupayaan dan kaedah yang mereka ketengahkan. Timbulnya kritikan pasti ada faktor yang mendorong berlakunya sifat berkenaan.⁵⁹

Banyak faktor yang mendorong berlakunya kritikan terhadap cita-cita relatif tinggi kerajaan, seperti perbezaan dalam menentukan bidang keutamaan [*priority atau aulawiyyat*] atau faham keutamaan [*fiqh al-Aulawiyyat*]. *Fiqh al-Aulawiyyat* adalah suatu nilai yang *flexibel*,

⁵⁶ Nakhai'e Ahmad, op.cit., hal. 74.

⁵⁷ Lihat huraian Bab 2 disertasi ini.

⁵⁸ Lihat ucapan YAB Perdana Menteri, selaku Presiden UMNO, pada Perhimpunan UMNO, Kuala Lumpur: Dewan Perdana PWTC, pada 6 Sept 1997

dan bergantung kepada banyak faktor yang berubah-ubah baik dari segi fakta maupun dari aspek penilaian⁶⁰. Misalnya sesuatu keperluan yang ule [utama] pada satu masa, ketika dan suasana mungkin sebaliknya pada masa, ketika dan suasana yang berbeza. Begitu juga daripada aspek benda boleh dikira penting bagi seseorang, suatu kumpulan dan masyarakat, mungkin sebaliknya bagi seseorang, sesuatu kumpulan atau masyarakat yang lain. Perbezaan dalam menentukan sesuatu itu utama atau tidak, bergantung kepada latarbelakang pendidikan, keperluan semasa (suasana persekitaran), kepentingan dan kedudukan di mana individu itu ditempatkan seperti pandangan seorang anak dengan bapa atau pandangan seorang pemimpin dan rakyat sudah pasti berbeza dalam menentukan keutamaan.

Dalam menentukan ukuran keutamaan, ia mesti mengikut batas yang telah ditentukan oleh dasar perundangan Islam, dan tidak boleh berdasarkan kepada logik akal. Ia memerlukan kefahaman yang mendalam tentang asas-asas dan kaedah perbandingan atau kemahiran melakukan perimbangan dan membezakan perkara-perkara yang hendak dipilih sama ada ia suatu yang daruri, [keperluan asas] hajiyah [keperluan kehendak] atau tahsiniyah [keperluan keselesaan] penting dalam menentukan klasifikasi keutamaan.⁶¹

Beberapa kemahiran perlu ada bagi mereka yang berkedudukan untuk memperhitung sesuatu keputusan seperti kefahaman kepada situasi setempat (*fiqh al-waq'i'ie*) atau masalah semasa, kefahaman kepada Nas (*fiqh al-Nusus*) sama ada melalui al-Qur'an, al-Sunnah dan pendapat-pendapat ulama yang lepas, dan kemahiran dalam menentukan matlamat (*fiqh al-Magasid*) syariah.⁶² Berlakunya perbezaan pandangan di kalangan parti politik Muslim

⁵⁹ Jaafar Shikh Idries, Proses Islamisasi. (terj) Mustafa Mukhlis, PERSIS-UPM, Sungai Petani : Institut Salman, 1984, hal. 35.

⁶⁰ Yusof al-Qardawi, Fiqh al-Awlawiyat. Kaherah: Maktabah Wahbah, 1996, hal. 26 - 31.

⁶¹ Yusof al-Qardawi, op.cit., hal. 33.

⁶² Untuk mendapatkan penjelasan lebih lanjut sila rujuk Yusof al-Qardawi, ibid., Buku-buku yang menyentuh soal kaedah-kaedah hukum yang dikarang oleh ulama muktabar seperti 'Izzuddin ibn 'Abd al-Salam, Qaw'id al-Ahkam. Beirut: Dar al-Jayl, 1980.

berpunca daripada persoalan menentukan nilai keutamaan dalam satu-satu isu. Persoalan memenuhi tuntutan syariat pada keseluruhannya lebih utama atau mengadakan satu krangka sistem undang-undang diberi keutamaan walaupun sistem syariat yang lain belum terpenuh. Ini memberi gambaran apabila berlakunya perbezaan dalam menentukan nilai keutamaan (perkara yang menurut urutan) akan juga berlaku perbezaan isu yang akan diketengahkan dalam masyarakat. Apabila isu diketengahkan berbeza-berbeza akan berlakulah perbezaan pandangan dan tafsiran kepada sesuatu perkara. Misalnya kerajaan melihat pemenuhan tuntutan syariat keseluruhannya seperti meningkatkan ilmu masyarakat, keadilan sosial, pembangunan ekonomi, pendidikan, perpaduan, dan pembangunan politik yang stabil lebih utama daripada persoalan undang-undang.⁶³

Perbezaan menafsir keutamaan membawa kepada perbezaan pendekatan pelaksanaan undang-undang. Ada tiga aliran pemikiran dalam menentukan bentuk pelaksanaan undang-undang Islam. Satu aliran melihat walaupun undang-undang itu tidak dikanunkan tetapi dari aspek pencapaian *Magasid al-Syariah* [matlamat syariah] telah tercapai, secara tidak langsung undang-undang Islam telah dilaksanakan. Aliran lain berpendapat pendekatan beransur-ansur [*tadarruj*] boleh dilakukan sekiranya krangka undang-undang telah ada. Aliran ketiga berpendapat oleh kerana al-Qur'an sudah diturun secara sempuma (30 juzu') dan hadis dipaparkan secara jelas, tidak ada alasan kerajaan untuk tidak melaksanakan undang-undang Islam secara menyeluruh. Kewujudan ketiga-tiga aliran ini berpunca dari perbezaan mentafsir methodologi dan bagaimana metodologi itu dilaksanakan. Perselisihan mereka bukanlah dalam soal yang asas atau *usu* (dasar) tetapi soal *furu'*,⁶⁴ iaitu soal ijihad bagaimana undang-undang

⁶³ Anwar Ibrahim berkata " Itulah perjuangan UMNO, perjuangan menegakkan, memelihara dan meninggikan martabat bangsa Melayu yang mencakupi pelbagai bidang termasuk ekonomi, sosio-budaya dan agama." Ucapan Anwar Ibrahim, "UMNO dan Islam Dalam Tahun 2000", pada Konvensyen UMNO Kedah pada 11 April 87. Lihat juga kenyataan Mahathir Mohamad dalam Utusan Malaysia, 6 Julai 1979.

⁶⁴ Yang dimaksudkan dengan usul di sini ialah kewajipan melaksanakan sesuatu perkara Kerajaan bukanlah mempertikai soal-soal yang wajib dan yang mesti dilaksanakan

Islam hendak dilaksanakan, bukan mempertikaikan dalil Qat' kewajipan melaksana undang-undang Islam.⁶⁵

Ulama usul menegaskan bahawa prinsip syariat membenarkan setiap perbuatan Mukallaf boleh ditafsirkan dengan pelbagai pandangan. Imam Syafi'i telah mengemukakan satu contoh yang menunjukkan ijtihad boleh berbeza, dan kedua-duanya adalah betul. Misalnya dua orang hakim yang mengendalikan satu kes seorang mungkin menolak kes itu, sementara yang seorang lagi kemungkinan menerima kes tersebut. Ini adalah perbeaan pandangan (*ikhtilaft*), tetapi kedua-kedua hakim telah bertindak berdasarkan apa yang wajib ke atas diri masing-masing.⁶⁶ Mengulas pandangan ini, Yusof al-Qardawi menyatakan bahawa tujuan Undang-undang Syariah diperundangkan adalah untuk menjaga kepentingan manusia seperti menegakkan keadilan, membasi kemiskinan, membasi kemungkar dan kezaliman serta menolak keburukan. Pada Yusuf al-Qardawi tidak harus seorang *faqih* [ulama] terus kekal atau jumud pada satu pendapat sementara keadaan masa, tempat dan urut (kebiasaan) telah berubah. Bahkan sebagai seorang *faqih* pasti juga mengambil kira *magasid al-Syariah* secara menyeluruh (*al-Kully*).⁶⁷

Kepelbagaiian pandangan ini berpunca daripada tabiat perundangan Islam yang kebanyakannya berbentuk *relatif*, iaitu boleh ditafsirkan dengan kepelbagaiian pendekatan. Perbeaan para Mujahid sesama mereka berpunca daripada segi latihan perundangan, kekuatan intelek mereka dalam sesuatu bidang, kecenderungan peribadi dan realiti masyarakat yang menyebabkan hasil ijtihad mereka terpengaruh dengan latarbelakang masing-masing. Dalam kontek yang lain, kebanyakan teks perundangan dalam al-Qur'an dan al-Sunnah

⁶⁵Dalam artikata lain, para ulama masih bertiakan tentang cara mana dan bagaimana sesuatu undang-undang itu dilaksanakan.

⁶⁶ Muhammad bin Idris Al Syafi'i, al-Risalah disunting oleh Ahmad Muhammad Syakir, Kaherah: Dar al-Kutub alKhidiwiyah, 1940, para 1404 - 1407.

⁶⁷ Yusof al-Qardawi, Fatawa al-Mua'asirah, Jld 2, Misr: Dawlah Li al-Tiba'ah wa al-Nasr wa al-Tauzi', 1993, hal. 33.

berbentuk spekulatif yang mengundang pelbagai tafsiran dan konklusi hukum. Imam al-Juwaini misalnya berpendapat bahawa kebanyakan hukum Islam didapati melalui *giyas*.⁶⁸ Sebab jumlah teks perundangan yang ada dalam al-Qur'an dan al-Sunnah terhad sedangkan kes-kes yang berlaku dalam kehidupan manusia tidak terbatas. Malah, hukum-hukum dalam al-Qur'an dan al-Sunnah secara *Qat'* sekalipun berbentuk relatif dari segi aplikasi, kerana ijihad melibatkan pemahaman teks perundangan (dalam konteks al-Qur'an dan al-Sunnah) dan juga ijihad daripada aplikasi (*tadbiq*). Al-Duraimi seorang sarjana Islam dalam penulisannya menyebut *ijihad fi al-Tatbiq* [ijihad dalam memahami pelaksanaan] sama penting dengan *ijihad fi al-Fahm* [ijihad dalam soal memahami nas], kerana pemahaman yang tepat kepada maksud teks perundangan tidak semestinya menjamin perlaksanaan undang-undang berkenaan pada suatu kes yang tepat dan betul juga.⁶⁹

Sebagai contoh kes hukum had potong tangan bagi pencuri.⁷⁰ Pemahaman kepada ayat ini adalah jelas iaitu potong tangan bagi pencuri sekiranya sabit kesalahan pencuriannya. Walaupun hukum potong tangan itu *Qat'* dari segi maknanya, tetapi dari aspek pelaksanaan hukumnya adalah *zanni* dan relatif kerana ia memerlukan ijihad untuk mengaplikasikan makna ayat ini kepada kes-kes yang sebenar. Perkara ini amat jelas apabila para *fugaha*' mempunyai pelbagai definisi kepada perbuatan mencuri itu sendiri seperti faktor masa mencuri, dan cara mencuri sama ada secara sulit atau terang.⁷¹ Dalam isu ini bukanlah hukum itu yang dipertikaikan tetapi faktor-faktor yang mensabitkan pelakuan pencurian itu. Begitu juga sama

⁶⁸ Al-Juwaini, *al-Burhan fi Usul al-Fiqh*, disunting oleh Abdul Azim al-Dib, Jld. 2, Qatar: Tanpa penerbit, 1399H, hal. 743.

⁶⁹ Al-Duraimi, *al-Manahij al-Usuliyah fi Ijtihad bi al-Ra'y fi al-Tasyri' al-Islami*, Damsyik: Syarikah Muttahibah li al-Tauzi', 1980, hzl. 5.

⁷⁰ Q., *al-Maqdah* (5): 32.

⁷¹ Al-Zuhaili, *al-Fiqh al-Islami Wa Adillatuhu*, Damsyik: Dar al-Fikr, 1989, hal. 92 - 96.

ada hukum ayat ini boleh diaplikasikan kepada kes-kes lain seperti mencuri kain kafan jenazah dan mencuri wang saku secara cepat. Di sini juga para *fujahé*⁷² juga mempunyai pandangan yang berbeza.⁷² Perbezaan pandangan ini bukan bermaksud untuk menolak kewujudan hukum, tetapi berkisar dalam soal bagaimana undang-undang itu hendak dilaksanakan. Penangguhan hukum hudud semasa kepimpinan Umar al-khatab ra bukanlah berdasarkan ketidakyakinan beliau kepada undang-undang itu, tetapi berdasarkan kepada kefahaman dan tafsiran beliau dalam proses pelaksanaannya. Pendekatan ini tidak boleh dikatakan Umar al Khattab ra menolak hukum hudud kerana menangguhkan pelaksanaannya tetapi berdasarkan ijithad yang telah dilakukannya maka undang-undang itu perlu ditangguhkan. Hal yang sama juga boleh dikaitkan dengan beberapa pihak yang mempertikaikan Kanun Jenayah Syariah 1993 Kelantan. Pihak yang mempertikaikan bukanlah mempersoal kewujudan hukum hudud tetapi yang menjadi pertikaian mereka adalah aspek perlaksanaan keadilan hukum. Perdana Menteri berpendapat Hudud Kelantan 1993 tidak mengambil kira prinsip keadilan Islam dalam proses penggubalannya. Demikian juga dengan *sister in Islam* menyatakan hudud Kelantan mendiskriminasi kaum wanita dalam beberapa Fasal iaitu Fasal 46(2), 41(1), 14, 15, 2(1) dan 62.⁷³ Aisah Mion misalnya mempersoal aspek keadilan dan beliau berpendapat hudud tersebut tidak memberi pembelaan kepada mangsa rogol dan Fasal-fasal dalam Hudud Kelantan sempit dan meragukan. Pendapat yang sama juga dikemukakan oleh Salbiah Ahmad yang melihat Hudud Kelantan bias dan mendiskriminasi wanita khususnya dalam kes zina dan rogol.⁷⁴ Berdasarkan Huraian di atas jelas memperlihat pertikaian mereka bukanlah dari aspek penolakan kewujudan hukum tetapi dari aspek pendekatan perlaksanaannya.

⁷² *Ibid.*, hal. 112 - 113

⁷³ Lihat Rose Ismail, Hudud in Malaysia, The Issues at Stake, Kuala Lumpur: Sis Rorum Malaysia Berhad, 1995.

⁷⁴ Salbiah Ahmad, Zina and Rape under the Syariah Criminal Code (11) bil 1993 (Kelantan) dim *ibid.*, hal. 13 - 21.

Masyarakat Islam mengetahui keinginan kerajaan telah digarap dalam bentuk tindakan yang boleh dilihat sebagai cerminan kepada cita-cita relatif tinggi pelaksanaan Undang-undang Islam. Kaedah yang digunakan dalam melaksana cita-cita tersebut, sesuai dengan situasi semasa, iaitu beransur-ansur *[al-Tadarruj fi al-fasyiqie]*, bijaksana dalam batas keupayaan dan kemampuan kerajaan.

Perubahan kepimpinan dalam kerajaan dan peningkatan kefahaman mereka kepada agama Islam memberi ruang yang baik kepada perlaksanaan Undang-undang Islam. Peralihan pimpinan dari Tunku Abdul Rahman kepada Tun Abdul Razak kemudian Tun Husein Onn dan Mahathir Mohamad ditandai oleh perbezaan yang ketara dalam aspek gaya dan corak kepimpinan masing-masing. Nyata sekali apabila Mahathir Mohamad diberi amanah memikul tanggungjawab negara sebagai Perdana Menteri, beliau telah memberi ruang yang banyak kepada perkembangan Islam. Beliau telah cuba membuat beberapa pendekatan dan penafsiran Islam supaya lebih dekat dengan kehendak semasa yang dapat diimplementasikan dalam situasi semasa. Walaupun kadang-kadang pandangan dan buah fikiran yang dikemukakannya telah mengundang perbahasan yang kontroversial dalam masyarakat dan menimbulkan pelbagai persoalan, namun pandangan itu sekurang-kurangnya telah membuka minda dan cara berfikir masyarakat Islam dan bukan Islam agar lebih terbuka dan dinamik dalam soal agama dan undang-undang Islam.

Perubahan yang dilakukan oleh Mahathir Mohamad bukan sahaja dari aspek fizikal, tetapi yang lebih ketara ialah perubahan spiritual dan mental (minda).⁷⁵ Semasa kepimpinannya masyarakat diajak berfikir lebih matang dan membangun dalam proses pengaplikasian Islam. Beberapa dasar telah diperkenalkan untuk memperihalkan keperihatinan

⁷⁵ Sejak Mahathir Mohamad menjadi peneraju negara, beberapa aktiviti yang boleh meningkatkan ketinggian Islam telah diperkenalkan seperti: a. Mengkaji semula Sistem Perundungan Malaysia; b. Memasukkan subjek pengetahuan agama Islam dalam kiraan peperiksaan; c. Mengarahkan supaya pendidikan ekonomi dan undang-undang Islam, d. Terbinanya Sistem Kewangan Islam; e. Tertubuhnya Universiti Islam Antarabangsa; f. Meningkatkan pentadbiran Pusat Pentadbiran Islam; g. Memperbanyakkan program-program Islam dalam siraran TV dan Radio; h. Menubuhkan YADIM; i. Mengistiharkan UMNO parti Islam terbesar; j. Mengisyiharkan untuk membina perkampungan Islam terbesar; k. Membawa masuk sdr Anwar Ibrahim ke dalam UMNO; l. Menyelaraskan Sistem Perundungan Islam di Malaysia; dan m. Menubuhkan IKIM dll.

beliau kepada apa yang dimaksudkan seperti, dasar *Bersih, Cekap dan Amanah*, dasar *penerapan nilai-nilai Islam* dan *Kepimpinan melalui Teladan*. Dasar itu diperkenalkan untuk membina satu bentuk kepimpinan di semua peringkat yang boleh dicontohi dan diambil ikhtibar oleh semua pihak. Pemimpin adalah ikutan (*gudwah*), kerana itu pengaruh model [contoh] memainkan peranan penting dalam membentuk watak dan sikap masyarakat. Kerana itu pemimpin bagi Rasulullah saw adalah *role Model* kepada pengikutnya. Rasulullah saw menyebut, umat akan rosak kalau dua golongan itu rosak iaitu Ulama dan umara kerana kedua-duanya adalah ikutan umat. Dalam ertikata lain, orang awam selalunya tidak mempunyai kekuatan. Mereka lebih banyak dipengaruhi oleh pemimpin atau ulama. Mereka lebih suka bertindak sebagai pengikut (*Mugallid*) dan bukanya pencetus idea (*Mujahid*).

Era kepimpinan Mahathir Mohamad memperlihat kecenderungan masyarakat Islam bukan sahaja untuk menghayati Islam secara peribadi tetapi juga menuntut supaya Islam dapat diterjemahkan dalam bentuk perundangan. Mahathir Mohamad terpaksa mempelawa Anwar Ibrahim untuk menyertai UMNO dan kerajaan untuk membantu beliau dan kerajaan melaksana tuntutan masyarakat, di samping untuk mengurangkan pesaingan dengan parti PAS. Penglibatan Anwar Ibrahim dalam UMNO dan kerajaan memberi kekuatan dan ruang kepada Mahathir Mohamad untuk memantapkan proses Islamisasi dalam sistem pengurusan negara dan memperkuuh kuasanya.⁷⁶

Anwar Ibrahim tokoh gerakan Islam, mendapat bimbingan secara tidak langsung daripada ulama-ulama dalam dan luar negara. Anwar Ibrahim pemimpin belia yang paling lantang menentang beberapa dasar kerajaan semasa kepimpinan Tunku Abdul Rahman dan Tun Hussein Onn kerana banyak dasar yang dilaksanakan bertentangan dengan Islam. Walau bagaimanapun Anwar Ibrahim terpaksa akur dengan beberapa perubahan dan pendekatan yang dilakukan dan minat yang ditunjukkan oleh Mahathir Mohamad kepada proses Islamisasi di Malaysia. Setelah 15 tahun terlibat dalam kerajaan dan menerajui beberapa kementerian,

⁷⁶ Lihat huraian Kepimpinan UMNO dalam Bab 3 disertasi ini.

beberapa dasar telah diperkenalkannya. Di Kementerian Kebudayaan Belia, dan Sukan, beliau merangka *Dasar Kebudayaan Negara* yang berdasarkan kepada *Falsafah Kebudayaan Melayu (Islam)*. Di Kementerian Pendidikan beliau telah memperkenal *Falsafah Pendidikan Negara* yang dikira sebagai falsafah pendidikan yang komprehensif dan menyeluruh sesuai dengan *Falsafah Pendidikan Islam*. Di Kementerian Kewangan, beberapa sistem kewangan Islam telah diperkenalkan. Idea-idea berkenaan dibangunkan sebagai asas pengaplikasian cita-cita politik secara menyeluruh dan global yang meliputi semua aspek syariat bukan sahaja terbatas kepada bidang undang-undang.

Keupayaan Anwar Ibrahim menterjemahkan idea-idea Islam dalam pengurusan dan pentadbiran serta sistem kenegaraan tidak dapat diragui. Anwar Ibrahim tidak menjauhkan diri daripada ulama-ulama Islam kontemporari dalam dan luar negara. Keakraban hubungan beliau dengan ulama seperti Yusof al-Qardawi, Abu Sulayman Rektor UIA, Khurshid Ahmad dan Anis Ahmad boleh dijadikan asas yang kukuh dan kekuatan beliau apabila hendak menterjemahkan sistem Islam dalam bentuk yang lebih realistik dan sesuai dengan keadaan di Malaysia. Di samping keterlibatan generasi muda dalam kerajaan yang rata-rata telah mendapat pendidikan hasil daripada *Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah* yang diperkenalkan oleh Anwar Ibrahim, pasti semuanya itu akan mendokongi cita-cita politik yang hendak diterjemahkan dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara. Selain kekuatan Anwar Ibrahim, keterlibatan para intelek Islam dalam kepimpinan parti politik dan kepimpinan negara akan lebih mempermudahkan lagi kepada perlaksanaan Undang-undang Islam di negara ini. Cuma yang hendak dicari oleh pemerintah ialah dari aspek methodologi atau formula yang paling sesuai untuk melakukannya.

Usaha mempertingkat kefahaman masyarakat Melayu juga menyaksikan pelaksanaan program-program pengajian agama yang disampaikan melalui institusi agama seperti masjid dan surau, kelas-kelas agama yang dikendalikan oleh *Majlis dan Jabatan Agama Islam Negeri-negeri* seperti program takmir masjid, sivik Ramadan, syarahan umum dan kuliah-kuliah Maghrib dan Subuh, yang disampaikan oleh guru agama yang dilantik oleh kerajaan. Kesediaan masyarakat mengikui pengajian seperti ini memberi ruang kepada masyarakat untuk

memperkaya ilmu dan menyedarkan mereka tentang tanggungjawab agama. Ini bermakna kerajaan menyediakan medan yang luas dan banyak untuk menyebarkan pengetahuan Undang-undang Islam kepada masyarakat Melayu.

Walau bagaimanapun kejayaan program tersebut bergantung kepada keupayaan ulama yang mengendalikannya. Kerajaan tidak mempunyai kawalan dan penyeliaan secara langsung, cuma kemudahan berkenaan boleh digunakan untuk menyebarkan maklumat yang berhubung dengan Sistem Perundangan Islam. Kewujudan institusi agama seperti *Jabatan Kemajuan Islam Malaysia*, *Institusi Pendidikan tinggi Islam*, *Institut Kefahaman Islam Malaysia*, dan *Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia*, mencerminkan cita-cita relatif tinggi kerajaan dalam perkara tersebut. Sebagai institusi yang bertanggungjawab mempercepat masyarakat memahami Islam, kerajaan telah menggunakan institusi-institusi berkenaan sepenuhnya.

Keingganan masyarakat non-Muslim menerima Sistem Perundangan Islam tidak semestinya berdasarkan keyakinan ajaran agama mereka. Menurut Khoo Kay Kim penolakan mereka berdasarkan kepada sentimen kecurigaan mereka terhadap kehilangan identiti dan budaya mereka⁷⁷. Dalam ertikata lain, kalau mereka faham pasti mereka akan menerima apa yang hendak dilaksanakan mengikut ajaran Islam.⁷⁸ Kalaupun ada penentangan, ia dibuat berdasarkan untuk meraih simpati politik, kerana kebanyakan yang mengkritik soal pelaksanaan undang-undang Islam adalah terdiri daripada parti pembangkang yang mempunyai sentimen perkauman yang tebal. Perubahan boleh berlaku kalau mereka faham dan jelas dengan perundangan Islam. Misalnya perubahan pandangan Tan Chee Khoon yang berasa tidak senang

⁷⁷ Khoo Kay Kim, Profesor, mengulas perkara ini dengan panjang lebar. Dalam interview saya dengannya. Profesor Khoo, menyatakan kebanyakan masyarakat Cina tidak mempunyai agama, kerana itu mereka mudah untuk menganut agama Kristian atau Budha. Minat mereka masuk agama Kristian kerana agama itu tidak mengaitkan nilai-nilai budaya dan amalan mereka. Mereka tidak berminat masuk Islam kerana Islam selalunya digambarkan dengan agama yang sukar, susah, banyak pantang larang, malah ditakut-takutkan dengan pelbagai hukuman yang menyebabkan mereka kurang berkecenderungan dengan Islam.

⁷⁸ Masyarakat bukan Islam dapat menerima baik sistem Mu'amalah Islam [Perbankan Islam] tanpa masalah apa-apa kalau ia dapat difahamkan dengan baik dan betul, *ibid*.

berhubung dengan dasar penerapan nilai-nilai Islam bertukar kepada sokongan setelah 10 tahun ia pelaksanaannya.⁷⁹

Dalam usaha merealisasi perundangan Islam, kefahaman masyarakat bukan Islam perlu diambil kira. Kefahaman kelompok bukan Islam boleh membantu cita-cita relatif tinggi politik. Sikap menafikan orang bukan Islam tidak perlu tahu tentang undang-undang Islam adalah sikap yang kurang bijak dalam membuat keputusan. Pendapat ini menunjukkan sikap kurang berhati-hati dalam menangani hati dan cita rasa masyarakat keseluruhannya. Kerajaan cuba berusaha mendekatkan pandangan masyarakat Islam dan bukan Melayu dengan mengadakan beberapa dialog, seminar, perbincangan melalui institusi yang diwujudkan seperti *Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)*.⁸⁰ Sepanjang penubuhannya IKIM telah berfungsi sebagaimana tujuan ia ditubuhkan. Masyarakat bukan Islam lebih senang dengan cara yang dilakukan oleh kerajaan dengan tidak menimbulkan sebarang prasangka dan salah faham di kalangan masyarakat.

Usaha mendekatkan tamadun Islam dan bukan Islam diperkuuhkan apabila kerajaan menubuhkan *Pusat Dialog Peradaban* pada 1997 di bawah kelolaan Universiti Malaya. Pusat ini bukan sahaja berperanan membuat kajian secara terperinci peradaban-peradaban besar dunia seperti peradaban Islam, Cina, India, tetapi cuba berusaha bagaimana peradaban itu dapat digabunggalinkan dalam bentuk amalan yang sepatutnya dilakukan mengikut tradisi amalan masing-masing. Melalui Pusat ini setiap peradaban akan dianalisa dan disebarluaskan kepada masyarakat melalui seminar, dialog dan penulisan. Sesi dialog yang dilakukan secara berterusan memberi impak yang besar kepada perkembangan Islam dan memperkuuhkan kerjasama antara kaum di negara ini. Ia mempermudah kerajaan untuk merealisasikan cita-cita melaksana Undang-undang Islam melalui pendekatan yang paling sesuai. Kerajaan juga mengarahkan supaya subjek tamadun Islam kemudian diubah kepada *Tamadun Asia* wajib diambil oleh semua pelajar Institusi Pengajian Tinggi mulai sesi 1998 sama ada Islam atau

⁷⁹ Lihat Huraian dalam Bab 2 disertasi ini, hal. 206.

⁸⁰ Lihat Huraian dalam Bab 3 disertasi ini, hal. 208

bukan Islam. Subjek ini ditawarkan atas maksud hendak memberi kefahaman masyarakat kepada agama dan peradaban Islam dan agama-agama yang lain.⁸¹

Selain menubuhkan institusi, kerajaan juga melaksanakan dasar penerapan nilai-nilai murni dalam pentadbiran. Dasar ini telah mendekatkan masyarakat kepada agama.⁸² Masyarakat bukan Islam memperakui tindakan yang dilakukan oleh kerajaan memperkenal dasar ini membantu masyarakat bukan Islam memahami nilai-nilai murni Islam. Mereka melaksanakan nilai-nilai itu bukan atas dasar paksaan kerana mereka kakitangan kerajaan, tetapi pengamalan mereka berdasarkan kepada keikhlasan dan kejujuran mereka untuk mengamalkannya.

Tindakan kerajaan memperkenalkan *Sistem Perbankan dan Sistem Kewangan Islam Tanpa Faedah [STPF]* di institusi kewangan Islam atau konvesional, secara tidak langsung telah mempermudahkan Islam sebagai satu cara hidup dari pelbagai aspek. Dari perhatian yang dibuat penerimaan masyarakat bukan Islam terhadap urusniaga ini amat menggalakkan dan secara tidak langsung boleh membantu kerajaan secara mudah memperkenal Islam tanpa menyinggung perasaan mana-mana pihak. Kebijaksanaan kerajaan melaksanakan Islam melalui pendekatan perbuatan (*al-dakwah bi al-Hal*) telah mengurangkan sifat prasangka masyarakat bukan Islam terhadap agama Islam. Mereka secara sedar melanggan Sistem Kewangan Islam bukan atas dasar paksaan. Mereka juga melihat kewujudan sistem ini bukannya bermotifkan paksaan supaya mereka tunduk dan akur dengan ajaran Islam. Kesediaan dan kerelaan mereka menggunakan sistem kewangan Islam ini adalah satu petanda bahawa Islam boleh diamalkan oleh siapa sahaja dan sesuai pada kondisi zamannya.

Penggunaan istilah penting dalam masyarakat memahami sesuatu dasar. *Penggunaan Simpanan Perbankan Tanpa Faedah (STPF)* sebagai satu *alternative* (pilihan) terhadap sistem yang sedia ada bermakna masyarakat boleh membuat pilihan sama ada hendak menggunakan sistem yang berteraskan Islam atau tidak. Dalam ertikata lain umat Islam juga tidak dipaksa

⁸¹ Rujuk "Tajuk Institusi Pendidikan" dalam Bab 3 disertasi ini.

untuk menggunakan sistem tersebut, dan terpulanglah kepada mereka untuk menentukan kedudukan diri mereka sendiri. Penggunaan istilah '*alternative*' membayangkan sifat kesedaran kerajaan dalam melaksanakan sesuatu dasar. Dalam artikata lain pemilihan istilah perlu dilihat sama ada ia strategik untuk diguna pakai. Dan yang lebih penting ialah apakah penggunaan istilah itu boleh memberi kefahaman dan diterima pakai oleh masyarakat keseluruhannya. Penggunaan menggunakan contoh (*model*) sebagai satu mekanisma memberi kefahaman kepada golongan bukan Islam sehingga mereka boleh menerima Islam tanpa menimbulkan syak. Semua yang dilakukan itu sebagai cerminan cita-cita kerajaan memberi kefahaman kepada masyarakat dengan pendekatan yang sesuai dengan kehendak situasi mereka. Dalam artikata lain, pendekatan yang pelbagai bentuk akan lebih mudah dan disenangi oleh masyarakat.

Ruang yang luas diberikan kepada organisasi bukan kerajaan memberi kesedaran kepada masyarakat menghayati Islam, adalah manifestasi kesediaan kerajaan menerima perubahan yang datang dari rakyat. Kalauolah kerajaan menutup pintu untuk melaksanakan undang-undang Islam secara logiknya kerajaan tidak akan membenarkan apa-apa juga kegiatan yang boleh memberi kesedaran kepada masyarakat supaya menghayati agama secara keseluruhannya, kerana sikap itu akan mengugat *status quo* mereka dalam kepimpinan negara. Rakyat bebas mencari ilmu daripada sesiapa sahaja, walaupun kebebasan itu memberi kesan kepada kuasa mereka, kerana apabila masyarakat memahami tuntutan-tuntutan agama akan memaksa kerajaan melaksana undang-undang Islam. Keghirahan generasi muda menuntut kerajaan supaya melakukan perubahan dalam sistem perundangan yang sedia ada kepada sistem perundangan Islam adalah hasil daripada kebebasan dasar yang telah diberikan itu. Yusof Qardawi mengibaratkan kehendak rakyat sebagai gelombang laut yang besar dan bergulung-gulung yang tidak mampu dihalang oleh sesiapa sahaja.⁸³ Ini bermakna dokongan rakyat adalah suatu kuasa yang penting dalam menentukan kelangsungan dan perubahan sesuatu pemerintahan. Kuasa kerajaan dan rakyat kalau tidak dikendalikan dengan baik lebih

⁸² Lihat tajuk "Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam dalam Pentadbiran Bab 3 disertasi ini.

banyak mendatangkan keburukan daripada kebaikan. Kerajaan dan rakyat perlu bijak menggunakan kuasa yang mereka miliki. Sekiranya kerajaan tidak mempunyai cita-cita yang bersamaan dengan rakyat sudah pasti kedudukan atau jangka hayat kerajaan itu tidak akan panjang.

Kerajaan sentiasa memperkuuh cita-cita melalui tindakannya melahirkan sumber tenaga manusia yang mahir, berkeupayaan dan profesional dalam bidang perundangan Islam. Usaha yang dilakukan itu dapat dilihat melalui penubuhan beberapa buah Institusi Pengajian Tinggi yang menjurus dalam bidang perundangan Islam dan dalam bidang-bidang keilmuan yang lain seperti ekonomi, politik, al-Qur'an, bahasa dan tarbiyah Islamiyah. Dalam tempoh hampir 27 tahun iaitu dari tahun 1970 sehingga 1997 kerajaan secara serius menubuhkan pusat-pusat Pengajian Tinggi Islam seperti JPI, FPIUKM, APIUM, UIAM, ISTAC. Kesemua Institusi tersebut telah melahirkan 19,764 orang pelajar yang memegang ijazah jurusan agama dalam pelbagai peringkat dan bidang.⁸⁴

Pengambilan pelajar sentiasa meningkat dari setahun kesetahun,⁸⁵ kesan daripada kesedaran masyarakat menghayati agama. Untuk memenuhi tuntutan ini, kerajaan telah merangka pertambahan penuntutnya 10% setiap tahun mengikuti kursus dalam pelbagai bidang keagamaan. Bilangan ini tidak termasuk penuntut yang belajar di luar negara khususnya di Timor Tengah yang juga mengambil bidang pengajian Islam sama ada pada peringkat ijazah pertama mahupun lanjutan. Bilangan tenaga pengajar di institusi pengajian tinggi yang melanjutkan pelajaran mereka pada peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah di negara-negara barat turut bertambah. Tenaga ini apabila kembali ke tanahair boleh menampung sebarang

⁸³ Lihat Yusuf al-Qardawi, Min Fiqh al-Dawlah fi al-Islam, Kaherah: Darul al-Syuruq, 1997, hal. 177.

⁸⁴

Ditubuhkan	JPI [1955]	FPI [1970]	ATUM 1982	UIAM 1983	ISTAC 87	Jumlah
Ph.D	5	12	3	11	3	34
Sarjana	5	85	10	448	8	556
BA. Hons	137	6884	2670	9484	-	19,174
Jumlah	147	6981	2683	10043	11	19,764

⁸⁵ Lihat tajuk Institusi Pendidikan Pengajian Tinggi, Bab 3 Disertasi ini.

kekurangan yang dihadapi oleh Mahkamah Syariah dalam usaha meningkatkan kewibawaannya. Terdapat juga usaha yang dilakukan oleh Fakulti atau Jabatan Undang-undang di institusi pengajian tinggi tempatan, menawarkan subjek perundangan Islam kepada pelajarnya. Kursus-kursus jangka pendek sama ada pada peringkat diploma atau sijil kepada pengamal undang-undang konvensional dan masyarakat umum yang berminat mendalami ilmu juga ditawarkan. Tindakan ini sebagai usaha melahirkan golongan pakar dalam bidang perundangan sivil dan Islam. Usaha-usaha yang dilakukan itu dikira sebagai laluan mudah melaksana Undang-undang Islam dengan jalan melahirkan golongan pakar perundangan Islam dan sivil. Generasi inilah yang bakal menggerakkan sentimen menuntut pelaksanaan undang-undang Islam. Apabila masyarakat khususnya pengamal Undang-undang telah memahami Undang-undang Islam, secara langsung mereka merasa bertanggungjawab untuk melaksanakan undang-undang itu.

Kualiti kurikulum pengajian perundangan Islam di universiti-universiti dipertingkatkan. Selain mempelajari dan mengkaji teks-teks klasik berhubung dengan *fiqh* dan *usul al-fiqh* sebagai asas kepada sistem perundangan Islam, mata pelajaran undang-undang sekular seperti Undang-undang Sivil Malaysia dan Inggeris juga diajar. Para pelajar dilatih sebagai seorang pengamal undang-undang yang profesional sebagaimana juga para pengamal undang-undang sivil. Tindakan ini pastinya memberi wajah baru kepada sistem perundangan Islam pada masa akan datang. Usaha-usaha penyelidikan juga telah dilakukan oleh kakitangan akademik terutamanya dalam bidang pentadbiran undang-undang dan ekonomi Islam. Walau bagaimanapun, penyelidikan yang dilakukan masih terbatas dalam bidang undang-undang tertentu sahaja, sedangkan perkara yang berhubung dengan isu semasa seperti hiburan, pakaian, sosial, politik, perubatan, sains tabii'i, sains gunaan dan teknologi malumat amat kurang malah tidak dirasai kehadirannya dalam sistem perundangan semasa. Penyelidikan amat penting dalam memperkuuh sistem Perundangan Islam. Apabila tidak ada penyelidikan, draf perundangan juga tidak dapat diwujudkan kerana kekurangan pakar yang mendalami bidang tersebut. proses merangka sesuatu sistem perundangan memerlukan kajian yang mendalam perkara-perkara itulah yang selalu menimbulkan masalah intelektual dalam pembinaan hukum.

Jurang permisahan antara pengetahuan hukum dengan perkembangan ilmu semasa terlampaui jauh dan pantas berkembang. Ulama tidak berkesempatan untuk menelusuri nilai-nilai ilmu dan budaya dalam kehidupan manusia sejagat. Sementara itu mereka yang terdidik dengan ilmuan semasa tidak arif dengan Undang-undang Agama. Dua perbezaan yang amat ketara antara dua aliran pemikiran 'School of Thought' dan amat sukar untuk dipertemukan. Bagaimanakah mungkin ulama berani dan mampu mengeluarkan ijihad kalau mereka sendiri terpinggir daripada nilai dan budaya ilmu berkenan malah lebih ketara lagi apabila ilmu itu terkeluar daripada cakupan ijihad ulama terdahulu. Akhirnya ulama mengambil keputusan menolak apa yang sedang berlaku.

Sebagai contoh apabila ulama berdepan dengan media dan teknologi maklumat. Secara umum kebanyakan ulama lebih banyak reaktif atau memberi tindak balas secara mendatar. Kadang-kadang mereka tidak ada usaha untuk memahami secara mendalam permasalahan yang dibangkitkan dalam bidang tersebut dan mencari jalan penyelesaian yang proaktif. Seringkali ulama tiadak mampu untuk mengeluarkan satu bentuk peraturan yang lebih Islamik kerana mereka tidak mengetahui fungsi asas peralatan berkenaan.⁸⁶ Kerana itu ada di kalangan ulama mengambil sikap menolak terus penggunaan alat teknologi.⁸⁷ atau melakukan beberapa

⁸⁶ Penyiaran pada peringkat awal pengenalan lebih mementingkan soal hiburan 'Entertainment oriented'. Lihat Zulkifli Abdul Ghani, Teknologi Maklumat: Hubungan dengan Perkembangan Hukum Islam Semasa, Kertas Kerja Pada Seminar Hukum Islam Semasa, anjuran Jabatan Fiqh dan Usul, Universiti Malaya, pada 17 -18 Julai 1997.

⁸⁷ Lihat Abdullah Nasih 'Ulwan, beliau telah menolak terus dan mengharamkan penggunaan alat (TV) tersebut kerana boleh merosakkan pemikiran umat Islam dalam Hukm al Islam Fi Wasa'il al Islam, Beirut: Dar al Salam, 1986, hal. 9. Lihat juga kajian yang dibuat oleh Douglas A Boyd dalam kes ulama Arab Saudi menolak terus penggunaan TV yang mula diperkenalkan di negara itu pada tahun 1965. Lihat Douglas A Boyd, Saudia Arabian Broadcasting, Radio And TV In a Wealthy Islamic State, Middle East Review, vol. Xii, No 4, 1980, hal. 20 dipetik dari Zulkifli Abdul Ghani, Diffusion Of Dakwah Through Broadcasting Media; The experience Of Radio TV Malaysia (RTM), Thesis Ph.D, Universiti Of Edinburgh, 1995, hal. 108 - 109.

pengadabtasian dengan mengemukakan alternatif-alternatif baru dalam membentuk peraturan penggunaannya, atau membiarkan sahaja peralatan itu mempengaruhi daya fikir dan budaya hidup masyarakat. Soalnya apakah ulama mampu melakukan pengadaptasian terhadap persiaran yang lebih banyak bertentangan dengan nilai-nilai agama?. Apakah perisian penyiaran itu mampu menarik minat pelanggan untuk melihatnya ?, dan apakah peraturan yang patut dikenakan kepada pelanggan yang gagal menjauhkan diri dengan perisian yang bertentangan dengan agama ? persoalan ini hanya dapat dijawab apabila dilakukan kajian yang mendalam dalam bidang yang ditonjolkan itu.

Secara ideal sistem perundangan Islam belum dilaksanakan sepenuhnya di Malaysia. Walaupun begitu telah ada beberapa peraturan seperti Undang-undang Keluarga, Undang-undang Waris dan Undang-undang Mal yang telah berjalan sebagaimana dikehendaki hukum dan perudangan Islam. Sementara Undang-undang Jenayah Syariah yang ditafsirkan mengikut Enakmen Undang-undang Syarak masih boleh dipertikaikan dari aspek penakrifannya.⁸⁸ Yang sedang diusahakan ialah Keterangan Mahkamah Syariah, Penyelarasannya undang-undang, Penguatkuasaan dan Hukuman antara Negeri-negeri, Kewibawaan Keputusan dan kelemahan Prosedur Penghakiman Mahkamah Syariah. Pendekatan kaedah 'La Yudriku kulluh Ma Lam Yudrik Kulluhu' (tidak boleh ditinggalkan semua kalau tidak boleh dilakukan semua) telah digunakan dalam menyelesaikan persoalan umat Islam semasa. Sekalipun secara idealnya sistem perundangan Islam belum dapat dilaksanakan, tetapi ini tidaklah bermakna sistem yang ada ditolak sepenuhnya.

Menangani persoalan tersebut kewujudan *Jawatankuasa Teknikal Penyelarasannya Undang-undang Syariah dan Sivil (JTPUSS)* boleh membantu memyelesaikan kelemahan yang

⁸⁸ Tafsiran Pndang-undang Jenayah Syariah yang disenaraikan oleh pihak berkuasa agama tidak menepati kriteria Hukum Jenayah yang sebenarnya dalam Islam seperti yang tersenarai dalam Hukum hudud. Demikian juga dari aspek had hukuman yang dikenakan ke atas mereka yang melakukan kesalahan seperti berzina hanyalah dikenakan denda yang tidak melebihi RM5,000 atau enam kali sebatan atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya sekali

terdapat dalam pelaksanaan undang-undang Islam.⁸⁰ Walaupun masih banyak kelemahan, kerana ia tidak mempunyai kuasa eksekutif. Penubuhan JTPUSS dikira sebagai satu pengukuhkan cerminan cita-cita kepada pelaksanaan undang-undang Islam secara total.

Banyak pembaharuan telah dilakukan sama ada di peringkat Persekutuan atau Kerajaan Negeri hasil daripada cadangan yang dikemukakan oleh JTPUSS. Pemisahan kuasa pentadbiran Mahkamah Syariah daripada pentadbiran Majlis atau Jabatan Agama Islam, meningkatkan kedudukan atau taraf hakim Mahkamah Syariah setaraf dengan hakim di Mahkamah Majistret, meningkatkan bidang kuasa hukuman yang diputuskan oleh Mahkamah Syariah, dan hukuman yang diputuskan di Mahkamah Syariah tidak boleh dibicarakan sekali lagi di Mahkamah sivil adalah antara kemajuan yang telah dicapai oleh JTPUSS.

Banyak syor yang diluluskan oleh JTPUSS telah diterima pakai oleh negeri-negeri sebagai satu enakmen seperti Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam atau Enakmen Mahkamah Syariah, pengemaskinian Enakmen Keterangan, Kanun Acara Jenayah dan Enakmen Acara Mal, peningkatan bidang kuasa Mahkamah Syariah melewati batas perkara probet dan pentadbiran harta pusaka orang Islam, zakat dan zakat fitrah, Bait al-Mal dan wakaf, dan penyusunan semula Mahkamah Syariah yang meliputi Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah. Perubahan ini memberi implikasi besar kepada perkembangan sistem perundangan Islam di Malaysia. Namun sistem ini masih boleh diperbaiki dalam bidang kuasa hukuman Mahkamah Syariah yang hanya boleh terpakai kepada orang-orang beragama Islam, sedangkan orang bukan Islam tidak tertakluk di bawah bidangkuasanya. Pendekatan yang paling sesuai perlu dicari supaya hukuman yang setimpal dengan kesalahan yang mereka lakukan dikenakan kepada kedua-duanya.

Masa depan Undang-undang Islam di Malaysia cerah apabila kerajaan sentiasa berusaha mempertingkat kewibawaan badan berkuasa perundangan Islam dengan cara memperluas kuasa pembicaraan di Mahkamah Syariah. Sebelum 1984, Mahkamah Syariah tidak mempunyai kuasa untuk menerima keterangan kes-kes yang berhubung dengan harta atau

⁸⁰ Sila rujuk Bab 2 dalam disertasi ini, hal 239.

kuasa pewarisan. Kuasa mal diberikan kepada Mahkamah Awam kerana, kuasa mal umat Islam di bawah kawalan pegawai pemegang Amanah Pusaka Kecil. Selalunya dalam kes harta keputusan yang diterima tidak bersesuaian dengan hukum farid . Tetapi, apabila kerajaan bersedia meminda Enakmen Acara Mal maka semua kes yang berhubung dengan harta sepencarian, wakaf dan wasiat orang Melayu diserahkan kepada Mahkamah Syariah. Banyak Negeri telah menerima pakai Enakmen Acara Mal yang dipinda itu, seperti Kelantan pada 1984, Melaka 1991 dan Selangor 1991. Pindaan ini memberi kuasa kepada Mahkamah Syariah membicarakan kes-kes yang berhubung dengan harta umat Islam.⁹⁰

Demikian juga dengan Enakmen Acara Keterangan yang diluluskan pada tahun 1980 an. Enakmen ini kebanyakannya mengadaptasi beberapa Prosedur Acara Keterangan di Mahkamah Awam. Pengadaptasian ini dilakukan kerana banyak Acara Keterangan di Mahkamah Awam boleh digunakan dan sesuai dengan Enakmen Acara Keterangan Islam. Ini memberi makna ada elemen-elemen di Mahkamah Awam boleh digunakan oleh Mahkamah Syariah. Dengan berlakunya pengadaptasian ini penyelidik berpendapat memang ada ruang untuk menyelaras peraturan-peraturan yang ada di Mahkamah Awam dan diguna pakai terus di Mahkamah Syariah demikian juga sebaliknya. Dalam ertikata lain tidak semua apa yang ada dalam enakmen Mahkamah Awam bertentangan dengan sistem perundangan Islam. Apabila taraf jawatan hakim di Mahkamah Syariah setaraf dengan perjawatan hakim di Mahkamah Sivil, pasti akan memudahkan lagi pengasimilasian Undang-undang Syariah dengan Undang-undang Sivil pada masa akan datang.

5. 3 Penutupan

Kewujudan cita-cita kerajaan dalam melaksana undang-undang Islam di Malaysia, telah dikenal pasti sekurang-kurangnya sejak mula tertubuhnya parti politik Muslim dan penerimaan

⁹⁰ Lihat kes Aisny bt Mohd Daris vs Hj Fahro Rozi b Mohdi. Kes Undang-undang Keluarga dalam Bab Perceraian di bawah ta'liq, tidak memberi nafkah, isteri diminta pindah dari rumah, masalah isteri mengkaveat tanah kepunyaan suami dan saham dalam milik isteri. Lihat Jurnal Hukum, BAHEIS, Jld. VIII, Bhg. 11, Julai 1991, hal. 40.

tuntutan permimpin Melayu untuk memasukkan Islam sebagai agama bagi Persekutuan dalam Perlembagaan Negara. Kecenderungan parti politik Muslim sama ada UMNO atau PAS untuk mempertahankan kesucian, memperjuang dan memperkembang Islam termaktub dalam perlembagaan. Tidak dinafikan masing-masing akan kewujudan cita-cita itu tumbuh lebih awal daripada apa yang telah disebutkan. Sekurang-kurangnya ada dua faktor yang mempengaruhi relatif tinggi cita-cita melaksana sistem perundangan Islam, iaitu dalaman dan faktor luaran. Faktor dalaman ialah bersabit dengan faktor semulajadi manusia yang diciptakan oleh Allah swt. Manusia mempunyai keinginan untuk memiliki satu sistem perundangan yang teratur, sistematik dan adil, sesuai dengan jiwa dan mesej manusia itu dijadikan. Islam adalah al-Din⁹¹ fitrah yang diturunkan oleh Allah swt sebagai peraturan semulajadi yang lengkap dan sempurna untuk manusia. Sebagai makhluk yang terpilih manusia mempunyai dua fungsi iaitu sebagai hamba dan khalifah atau penguasa. Sebagai hamba manusia mesti akur dan patuh dengan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan Allah swt sementara sebagai khalifah manusia mesti melaksana sistem perundangan Allah swt yang secukup dengan fitrah-Nya yang dipertanggungjawab untuk dilaksanakan.⁹² Firman Allah swt surah al-Maedah ayat 50 bermaksud:

Sesudah itu, patutkah mereka berkehendak lagi kepada hukum-hukum Jahiliyah, pada hal – kepada orang-orang yang penuh yakin – tidak ada sesiapa yang boleh membuat hukum yang lebih baik daripada Allah.

Firman-Nya lagi dalam surah al-An'am ayat 57 bermaksud:

Katakanlah: sesungguhnya aku tetap berada di atas [kebenaran yang berdasarkan] bukti-bukti yang nyata [al-Qur'an] dari Tuhanmu; sedang kamu mendustakannya. Tidak ada padaku apa yang kamu minta disegerakan [dari

⁹¹ Al-Din bermaksud satu peraturan hidup yang sempurna dan lengkap, mencakupi semua peraturan hidup manusia sama ada dari aspek rohani, jasmani dan akal. Yang meliputi urusan dunia dan akhirat, hubungan manusia dan pencipta dan hubungan manusia dengan makhluk yang lain. Lihat Syed Muhammad al-Naqib al-Attas, Islam Faham Agama dan Asas Akhlak, ABIM, 1976.

⁹² Lihat "Huraian Cita-cita Politik Muslim dalam Bab I disertasi ini."

azab seksei); hanya Allah jualah yang menetapkan hukum; ia menerangkan kebenaran, dan dialelah sebaik-baik yang memberi keputusan.⁹³

Menyoroti sejarah Tanah Melayu sebelum kedatangan kolonial, Islam menjadi pencorak kepada sosio-budaya dan pemikiran, ekonomi dan politik, sistem pemerintahan dan perundungan masyarakat Melayu,⁹⁴ dan Islam menjadi penentu dalam membuat sesuatu keputusan. Kewujudan cita-cita umat Melayu untuk kembali menghayati sistem perundungan Islam bukanlah sesuatu yang baru kalau dilihat dari aspek latarbelakang keyakinan yang pernah melingkungi masyarakat Melayu. Kewujudan parti politik Muslim adalah kesinambungan perjuangan kepada cita rasa masyarakat Melayu yang telah lama wujud itu, dan ia sentiasa diperbaharui dan dipertahankan dari masa ke semasa. Lahirnya institusi-intitusi pengajian agama seperti *Institusi Pondok* dan *Medrasah*, wujudnya elemen pembudayaan ilmu di kalangan masyarakat seperti penulisan kitab-kitab agama, penterjemahan kitab-kitab muktabar daripada ulama-ulama terdahulu, dan penerusan aktiviti untuk memperingati hari-hari kebesaran Islam adalah manifestasi daripada keinginan tersebut.

Faktor kedua ialah faktor luaran yang bersangkut-paut kepada persekitaran tempat tinggalnya individu atau organisasi. Turun naik dan pasang surut relatif tinggi cita-cita untuk melaksana Undang-undang Islam adalah perkara biasa yang berlaku kepada manusia atau mana-mana organisasi. Keadaan ini terjadi bergantung kepada suasana persekitaran yang melingkunginya yang boleh mempengaruhi cita-cita. Wujudnya kritikan, ketidakseragaman dalam menangapi sesuatu isu, dan perbezaan pendekatan dalam melaksana cita-cita, terjadi apabila persekitaran yang melingkunginya berbeza antara satu sama lain, sama ada dari aspek latarbelakang pendidikan, keluarga, masyarakat sekitar mahupun organisasi yang dianggotainya. Cita-cita kerajaan untuk melaksana Undang-undang Islam akan lebih tinggi skala relatifnya apabila wujud persaingan, desakan dan pengaruh untuk mengekalkan imej sebagai

⁹³ Sila rujuk ayat-ayat yang berhubung dengan hukum lihat Muhammad Fu'ad 'Abd al-Baqi, al-Mu'jam al-Mufahrus Li al-Faz al-Qur'an al-Karim, hal. 213 – 215.

sebuah negara Islam yang telah diwarwarkan dan mendapat pengiktirafan masyarakat antarabangsa.

Persaingan antara parti politik Muslim untuk menonjolkan identiti dan mengekalkan tradisi kelslamam mereka tidak dilihat sebagai suatu yang negatif dalam pecaturan politik di Malaysia. Ia boleh dilihat sebagai pengimbang antara tuntutan rakyat dengan kehendak kerajaan. Kewujudan persaingan ini dilihat sebagai pemangkin kepada usaha-usaha dan perubahan-perubahan yang lebih drastik untuk dilakukan oleh kerajaan dalam proses mengekalkan kuasa mereka sebagai pemerintah. Kesedaran umat Melayu khususnya generasi muda untuk kembali menghayati Islam sebagai satu cara hidup, hasil daripada kebangkitan Islam seluruh dunia menuntut agar kerajaan lebih Islami. Tuntutan itu telah menyeret kerajaan untuk menonjolkan nilai-nilai yang lebih Islami dalam sistem pentadbiran, kewangan dan perundangannya. Kegagalan kerajaan dalam mengimbangi tuntutan rakyat dengan keupayaannya untuk melaksanakan undang-undang Islam, memberi implikasi kepada *status quo* kuasa yang mereka miliki. Justeru itu kerajaan sentiasa berusaha untuk cuba memenuhi kehendak rakyat supaya ia tidak dilihat sebagai tidak Islam atau akan disingkirkan daripada menjadi pemerintah di negara ini. Dalam ertikata lain, persaingan, desakan dan penjagaan imej sebagai sebuah negara Islam sebagai faktor yang memungkinkan relatif tinggi cita-cita politik dalam melaksana undang-undang Islam.

5.4 Cadangan Penyelidikan Masa Depan

Berdasarkan kepada penemuan-penemuan yang telah dianalisa dalam kajian ini, penyelidik ingin mencadangkan beberapa kajian lain yang boleh membantu kepada penambahan dan perambahhan bahan-bahan bacaan. Antaranya ialah:

- a. *Masa depan politik Muslim : landasan baru dan elemen penyatu dalam pelaksanaan undang-undang Islam di Malaysia.* Kajian ini perlu dilakukan lebih terperinci dan mendalam,

⁹¹ Lihat Sidiq Fadil, Tradisi Kesultanan : Perspektif Islam, Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar, 1993.

kerana apakah ada kemungkinan-kemungkinan yang akan berlaku antara parti-parti politik Muslim ini dapat dipertemukan dalam satu wadah, satu tindakan dan satu aspirasi dalam menentukan kelangsungan perlaksanaan Undang-undang Islam di Malaysia. Kajian ini mendapati perbezaan antara PAS dengan UMNO dalam isu perlaksanaan Undang-undang Islam bukanlah bertitik-tolak daripada perkara dasar tetapi berasaskan kepada masalah pendekatan kepada pelaksanaan undang-undang. Tambahan pula apabila politik Muslim dekat 1990-an mula menampakkan ciri-ciri perubahan dengan nilai-nilai pengislaman UMNO dan pendemokrasian PAS.

- b. *Institusi Pengajian Tinggi Islam: Implikasi terhadap perkembangan dan perlaksanaan Undang-undang Jenayah Islam di Malaysia.* Institusi pengajian tinggi Islam di Malaysia telah wujud sejak tahun 1955. Sepanjang sejarah kewujudannya dan penglibatannya dalam perkembangan Islam dan sumbangannya kepada perlaksanaan Undang-undang Islam di Malaysia belum diperkatakan secara jelas dan menyeluruh. Apakah kewujudan Institusi pengajian tinggi Islam telah melaksanakan fungsi sebagaimana matlamat penubuhannya atau apakah sudah ada bukti kehadiranya memberi sumbangan kepada kemajuan perundangan Islam semasa. Kalau ada sejauh manakah penglibatannya dan bagaimanakah penglibatan itu telah mencorakkan sistem perundangan di negara ini.
- c. *Pelaksanaan Undang-undang Islam dalam Sistem Perundangan Konvensional di Malaysia: Masalah dan Kemungkinan.* Dualisme sistem perundangan yang wujud di negara ini perlu diatasi. Kehendak agama dan tuntutan masyarakat semasa tidak seharusnya dibiarkan begitu sahaja. Ia mesti ditangani dengan sewajarnya supaya kehadiran manusia sebagai hamba Allah swt dan sebagai khalifah tidak dipersoalkan. Usaha-usaha perlu dilakukan untuk menjernihkan campur-baur sistem perundangan Islam dengan Barat yang telah sekian lama mencorak budaya dan sistem pemerintahan Malaysia. Kajian yang mendalam kemungkinan-kemungkinan perlaksanaan Undang-undang Islam dalam sistem perundangan konvensional perlu dilakukan dalam usaha mempercepat lagi perlaksanaan Undangan-undang Islam dalam sistem perundangan negara.

d. *Institusi Fatwa : Implikasi dalam sistem perundangan Islam semasa.* Institusi Mufti telah lama wujud di negara ini. Peranan Mufti selalunya dikaitkan dengan fatwa atau pendapat terhadap sesuatu hukum. Soalnya sejauh manakah fatwa yang diputuskan oleh *Institusi Mufti* di negara ini menjadi sumber rujukan hukum para pengamal perundangan Islam semasa. Dan sejauh manakah isu-isu terkini yang melibatkan undang-undang telah diambil peranan oleh Institusi Mufti untuk diambil kira dalam pendrafan sesuatu akta?. Dan apakah ada hubungan antara fatwa dengan sumber Hukum Syariah di Malaysia?.